

1039- INTEGRASI WAKAF & FAMILY BUSINESS MELESTARI ASET WARISAN YANG MAMPAN

HJH MAS NOORAINI HJ MOHIDDIN

Fakulti Syariah & Undang-Undang
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Brunei Darussalam.

Masnooraini.mohiddin@unissa.edu.bn

ABSTRAK

Kehebatan wakaf dalam menangani kemiskinan bukan lagi satu mitos bahkan telah dibuktikan melalui sejarah dan realiti semasa. Wakaf yang sering diperkatakan ialah wakaf untuk pembangunan dan maslahat ummah sejagat dan ini termasuk juga wakaf dzurri yang terkandung di bawah kategori wakaf khas. Meskipun demikian wakaf dzurri agak kurang mendapat perhatian memandangkan sesetengah negara telah menghapuskannya dalam perundangan dan tidak melaksanakannya disebabkan faktor tertentu. Justeru kajian ini akan melihat sejauh mana integrasi wakaf dan perniagaan keluarga mampu melestari ekonomi ahli waris dan menjaga serta memelihara generasi seterusnya dari kancas kemiskinan. Metodologi penyelidikan yang diguna pakai adalah secara kualitatif deskriptif dengan menggunakan analisis kandungan sebagai kaedah penganalisan. Analisis dilakukan dengan meneliti maklumat data sekunder terutama penulisan, jurnal, kertas kerja dan artikel yang berkaitan. Kekuatan dalam wakaf adalah aset kekal yang tidak boleh diperniagakan berbanding dengan aset dalam perniagaan lain. Satu bentuk perniagaan keluarga yang sistematik dan teratur mampu mengelakkan sebarang penyalahgunaan dan penyelewengan dalam menguruskan aset harta wakaf. Bahkan amanah yang digalas dengan penuh tanggungjawab mampu menghasilkan manfaat yang boleh di nikmati oleh generasi akan datang dan seterusnya dikembangkan oleh ahli waris kemudian dengan matlamat untuk kekuatan dan kelestarian status ekonomi ahli waris yang lain agar kekayaan dibahagi sama rata dan tiada yang terasing disebabkan kemiskinan.

Kata Kunci: *Ahli waris, Integrasi, Perniagaan, Wakaf.*

PENDAHULUAN

Kehebatan wakaf dalam menangani kemiskinan bukan lagi satu mitos bahkan telah dibuktikan melalui sejarah dan realiti semasa. Wakaf yang sering diperkatakan ialah wakaf untuk pembangunan dan maslahat ummah sejagat dan ini termasuk juga wakaf dzurri yang terkandung di bawah kategori wakaf khas. Meskipun demikian wakaf dzurri agak kurang mendapat perhatian memandangkan sesetengah negara telah menghapuskannya dalam perundangan dan tidak melaksanakannya disebabkan faktor tertentu. Wakaf yang dahulunya dilihat sebagai harta yang beku dan jumud kini telah ditransformasi menjadi lebih dinamik demi kemampunan pembangunan harta dan tidak ketinggalan dalam konsep perkembangan wakaf *dzurri*.

METOD KAJIAN

Metodologi penyelidikan yang diguna pakai adalah secara kualitatif deskriptif dengan menggunakan analisis kandungan sebagai kaedah penganalisan. Analisis dilakukan dengan meneliti maklumat data sekunder terutama penulisan, jurnal dan artikel. Kajian perpustakaan dijalankan dengan bersumberkan buku, kertas seminar, laman sesawang yang berkaitan.

SOROTAN KARYA

Kepelbagian kaedah wakaf telah di terjemahkan melalui penginterasian dalam pelbagai bidang perniagaan seperti institusi kewangan dan ini termasuk juga dalam perniagaan keluarga atau *family business* yang diuruskan oleh ahli keluarga sendiri. Penginterasian wakaf dalam perniagaan di bincangkan oleh Umar et al., (2020) bagi memastikan kemampunan kebajikan ahli waris dan bukan waris secara umum. Sementara Jasni & Muhammad Syamir (2022) mencadangkan satu model pengurusan wakaf keluarga yang berkesan melalui pembangunan hartanah keluarga yang akan memastikan kelestarian sumber ekonomi keluarga berkekalan.

Penulisan mengenai kejayaan perniagaan keluarga telah banyak dibincangkan oleh pengkaji di antaranya Sharma et al, 1997; Ayef et al, 2021, Novalinendry et al., 2021, Rian, Teten & Sapril, 2023. Seperti kajian Rian, Teten & Sapril, (2023) mendapati kejayaan pewarisan perniagaan keluarga banyak bergantung kepada penglibatan pemiliknya yang terdiri dari ahli keluarga. Di samping itu juga bergantung kepada perancangan yang jelas yang telah di sediakan oleh pengurus yang terdahulu bagi rujukan dan panduan generasi akan datang. Meskipun dalam masa yang sama antara kriteria kejayaan perniagaan yang tidak kurang pentingnya ialah kemajuan (business performance) dan matlamat perniagaan dalam mencapai objektifnya (Novalinendry et al., 2021).

KONSEP WAKAF *DZURRI*

Integrasi wakaf dan *family business* adalah lebih menjurus kepada wakaf dzurri yang berprinsipkan perniagaan secara di warisi dan di teruskan pelaksanaannya oleh generasi-generasi akan datang. Wakaf *dzurri* atau wakaf *ahli* adalah istilah yang merujuk kepada harta wakaf yang dikhususkan kepada keluarga sahaja. Menurut al- Syarbini (1997H), istilah *waqf dzurri* atau *ahli* adalah hasil gabungan dua perkataan iaitu, “*waqf*” dan “*dzurri*” atau “*ahli*”. Kedua-dua lafaz bagi “*dzurri*” atau “*ahli*” ini adalah merujuk kepada keluarga yang mempunyai hubungan darah atau merupakan waris tanggungan si pemilik harta. “*Dzurri*” atau “*ahli*” juga bermaksud zuriat atau keturunan, yang menjadi ahli keluarga seseorang.

Wakaf dzurri bermaksud menahan harta yang boleh diambil manfaat dengan mengekalkan ‘ain (fizikal) harta tersebut kepada *mawquf alaih* yang merupakan orang yang berhak mewarisi pusaka. Bahkan harta yang di wakafkan adalah untuk manfaat anak, cucu, dan kerabat (Manual Pengurusan Tanah Wakaf, 2006; Isa Zaki, 1995). Wakaf dzurri yang disebut juga sebagai wakaf “*ala aulad*” iaitu wakaf yang diperuntukkan bagi kepentingan dan jaminan sosial terutamanya dalam kalangan keluarga atau kaum kerabat sendiri (Muhammad Hamizan, 2022).

Dalam terminologi fikih wakaf ahli termasuk di bawah kategori wakaf khusus sama ada ditujukan untuk keluarga dan anak keturunan, maupun pihak lain yang tidak ada hubungan nasab mengikut kehendak wakif (Fadwa Arsyid, 2011). Wakaf zuriat yang dinyatakan Umar (2019) memberi makna yang sama iaitu mewakafkan harta dan juga hasil daripada harta tersebut oleh pewakaf untuk dimanfaatkan oleh ahli keluarga atau waris. Mohamad et al., (2020) pula

menambah harta yang di wakafkan pada permulaanya untuk diri sendiri, kemudian untuk anak-anaknya dan akhirnya untuk tujuan kebajikan atau kebaikan.

Pengurusan kekayaan sememangnya menjadi suatu isu penting untuk ditangani sejurus kematian ibu bapa ataupun penjaga. Wakaf dzurri merupakan alternatif untuk pengurusan harta selepas kematian umat Islam dan membantu pewakaf menyerahkan kekayaan kepada ahli waris (Sanusi et al., 2021). Wakaf ini membawa kesan amat positif terutamanya kepada pemberi wakaf (Muhammad Hamizan, 2022). Kerana pemberi wakaf tersebut bukan sahaja mengekalkan harta tersebut untuk manfaat sendiri bahkan memperoleh dua kebaikan. Kebaikan dari amal ibadah wakafnya dan yang kedua mempereratkan silatutrahim dengan ahli keluarga yang diberi harta wakaf tersebut (Umar, 2019).

Sejarah telah mencatat kegemilangan wakaf ketika zaman keemasan kerajaan Uthmaniyah di Turki dan ini termasuklah kejayaan wakaf dzurri. Menurut Cizkaca (2000) menyatakan bahawa pada abad ke 18 telah tercatat pendapatan wakaf zuriat berjumlah 14.20% dan pada abad ke 19 sebanyak 16.87% daripada jumlah pendapatan wakaf. Di Aleppo antara tahun 1718 dan 1800 direkodkan sejumlah 687 wakaf dan jumlah wakaf ahli adalah sebanyak 39.3%, wakaf khairi sebanyak 50.7% dan wakaf musytarak sebanyak 10%. Pada tahun 1928-1929, di Mesir wakaf zuriat lebih popular dan menghasilkan lebih banyak pendapatan berbanding jenis wakaf yang lain (Cizakca; Masters, 1988).

Negara Turki merupakan salah satu contoh kejayaan wakaf dzurri ini hingga ke hari ini berdasarkan jumlah pendapatan dan impak kepada ekonomi negara tersebut (Fahrurroji, 2019). Ia juga turut berjaya diamalkan di Bosnia, Indonesia dan juga Singapura. Ciri-ciri wakaf dzurri ini yang menjamin pengekalan aset harta wakaf dan memastikan manfaatnya mengalir berterusan menyebabkan ia terus menjadi pilihan bagi umat Islam di negara-negara tersebut (Sri Wahyu Sakina et al., 2021).

Ciri-ciri istimewa yang ada pada wakaf dzurri jika dibandingkan dengan faraid, wasiat dan hibah adalah pengekalan status pada aset wakaf dzurri di mana ia tidak boleh dijual atau dipindah milik. Ia dibangunkan untuk manfaat keturunan tersebut dan tiada tarikh luput. Manfaat berterusan merupakan salah satu kriteria utama yang terdapat dalam wakaf zurri dan ia berbeza dengan kaedah lain yang sedia ada dalam pengurusan harta. Di samping memberi peluang untuk penjana ekonomi dalam tempoh yang lama, wakaf dzurri berupaya memberi manfaat yang besar mencakupi masyarakat Islam yang lain sekiranya aset yang dibangunkan itu memenuhi keperluan sosial. Oleh itu, potensi pengekalan aset wakaf dzurri ini dijangka bertahan dalam suatu jangka masa yang panjang dan terus membawa kebaikan yang tidak terbatas kepada keturunannya sahaja tetapi boleh dipanjangkan juga kepada masyarakat yang tidak mengira bangsa dan agama (Sri Wahyu Sakina et al., 2021).

Mengikut Jasni & Muhammad Syamir Izzuddin (2022), amalan wakaf keluarga ini didapati banyak diamalkan pada masa dahulu iaitu sekitar 1920an sehingga 1960an. Namun sejak akhir-akhir ini, menurut kajian Farhana (2018) mendapati ia kurang mendapat sambutan disebabkan banyak harta wakaf keluarga yang menjadi jumud dan tidak dimanfaatkan. Antara

sebab lain juga ialah kurangnya publisiti mengenai wakaf dzurri (Ratna & Nashrun, 2022). Memandangkan tahap kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai wakaf dzurri dan kepentingannya masih lagi diperingkat awal, justeru penyertaan adalah kurang dalam kalangan masyarakat umat Islam. Jika wakaf am tidak dikenali secara mendalam apatah lagi wakaf dzurri yang dianggap asing dan baru. Di tambah lagi dengan MAIN yang tidak terlalu menggalakkan penyertaan masyarakat Islam dalam wakaf dzurri (Mohd Afandi, 2012; Farhana, 2018) di sebabkan kesukaran dalam menguruskan wakaf ahli walaupun jumlah bilangan wakaf ahli adalah kecil (Farhana, 2018). Di samping itu, kekurangan penguatkuasaan dan pengurusan institusi untuk menyelia wakaf dzurri menjadikannya kurang diamalkan. Bahkan, timbulnya kekeliruan dan masalah konsistensi dengan interpretasi dan pengurusan wakaf dzurri di kalangan negeri-negeri memburukkan lagi keadaan (Sri Wahyu Sakina et al., 2021).

KEUTAMAAN DZURRI DALAM BERWAKAF

Umat Islam diberi alternatif menurut syariat Islam sekiranya ingin mengurus harta sebaik mungkin di mana pahala dan manfaat akan sentiasa mengalir samada kepada yang masih hidup dan kepada pemilik harta yang telah meninggal dunia. Dengan tidak mengenyahkan kebaikan faraid, wasiat dan hibah, ia juga memiliki sifat tersendiri dan membawa manfaat khusus kepada penerimanya. Justeru, wakaf dzurri juga boleh dijadikan pilihan untuk umat Islam yang ingin mengkhususkan hartanya kepada ahli keluarganya yang dapat memelihara keturunannya. Apabila satu daripada cirinya adalah berbentuk penggandaan harta atau pengumpulan harta maka ia memberi impak yang positif (Sri Wahyu Sakina et al., 2021).

Keutamaan keturunan atau keluarga terdekat dalam sedekah dan wakaf jelas di nyatakan dalam al-Quran dan hadis Rasulullah saw.

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah ayat 215 yang bermaksud:

Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): apakah yang akan mereka belanjakan (dan kepada siapakah)? Katakanlah: "Apa jua harta benda (yang halal) yang kamu belanjakan maka berikanlah kepada: Kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan. Dan (ingatlah), apa jua yang kamu buat dari jenis-jenis kebaikan, maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuinya (dan akan membalas dengan sebaik-baiknya).

Bahkan para sahabat seperti Saidina Abu Bakar, Umar, Uthman dan Saad bin Abi Waqqas juga turut mewakafkan harta berupa harta dan tanah kepada ahli keluarga serta keturunan mereka. Keutamaan ini adalah berdasarkan kepada sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah:

"Dinar (wang) yang engkau infakkan (belanjakan) di jalan Allah, dinar yang engkau infakkan untuk membebaskan hamba abdi, dinar yang engkau sedekahkan kepada orang miskin, dinar yang engkau nafkahkan kepada keluargamu, pahala yang paling besar adalah dinar yang engkau nafkahkan untuk keluargamu."

(Sahih Muslim, Kitab al-Zakat, no hadis

995).

Berdasarkan hadis ini sedekah yang diberikan kepada anggota keluarga lebih diutamakan. Ini bagi menjaga kebajikan masa depan mereka khususnya jaminan pendapatan dan penjaan ekonomi (Al-Syawkani, t.t). Ini juga membuktikan dengan jelas bahawa saranan dan juga galakkan daripada Rasulullah untuk melaksanakan wakaf telah menjadi asas kukuh yang membawa kepada amalan berwakaf. Bahkan amalan sedekah atau wakaf yang paling baik dan digalakkan ialah amalan berwakaf kepada ahli keluarga yang menepati dengan konsep wakaf zuriat (Muhammad Hamizan, 2022).

Dalam hadis lain pula, Rasulullah saw menggalakkan untuk meninggalkan keluarga dalam keadaan senang dan bukan dalam keadaan susah sehingga sampai ke peringkat meminta-minta, yang bermaksud;

“Tinggalkan anak dan isteri dengan kesenangan adalah lebih baik daripada tinggalkan mereka dalam keadaan mereka meminta-minta,”

(Muslim, t.t)

Matlamat utama wakaf dzurri ini amat bertepatan dengan prinsip *maqasid syariah* di dalam memelihara harta dan juga keturunan (Muammar Ghaddafi & Zulkifley 2013) Ia dapat dicapai di dalam praktis wakaf dzurri dengan memelihara harta tersebut agar ia dapat dibangunkan untuk manfaat keturunan khususnya jika ada ahli keluarga yang berdepan kesukaran, hilang upaya dan sebagainya. Justeru, manfaat wakaf dzurri ini dapat meringankan beban mereka.

Selaras dengan sejarah Islam, wakaf dzurri telah digunakan sebagai instrumen perancangan hartanah atau perancangan penggantian (*succession planning*). Wakaf dzurri bertujuan untuk membela nasib keluarga yang ditinggalkan oleh ibu bapa mereka yang menjadi tempat bergantung. Dalam konsep hukum Islam, seseorang yang mempunyai harta dan bertujuan untuk berwakaf terhadap hartanya perlu mendahulukan ahli keluarga mereka yang terdekat. Tambahan lagi, jika ada di antara mereka memerlukan bantuan, maka wakaf dzurri ini lebih afdal diberikan kepada mereka yang paling memerlukan (Tjek Tanit, 2013).

Sesuai dengan namanya, wakaf dzurri memberikan kelangsungan sumber ekonomi dan manfaat kepada keluarga yang mempunyai hubungan darah dengan pewakaf. Serta memelihara kebajikan keluarga dan keturunan yang ditinggalkan. Dengan cara ini, pewakaf dapat menjamin kerabat terdekatnya pada setiap masa mempunyai sesuatu harta untuk bergantung dan dapat menjaga kebajikan keturunan yang termasuk di bawah salah satu daripada lima perkara keutamaan iaitu *hifzu al-nasl* (menjaga keturunan). Malah syariat sendiri menganjurkan untuk mengutamakan kaum keluarga terdekat dahulu sebelum golongan lain ketika melakukan sedekah. Maka bersedekah melalui wakaf *dzurri* adalah salah satu daripada usaha tersebut (Jasni & Muhammad Syamir Izzuddin, 2022).

Ia menunjukkan bahawa keluarga adalah perkara utama dalam membina masyarakat harmoni dan berkasih sayang. Keluarga yang baik akan melahirkan masyarakat yang baik dan berakhlak mulia. Sekiranya ada di antara umat Islam yang sengaja membiarkan ahli keluarga dalam kesusahan maka ia boleh mengundang kemurkaan Allah s.w.t. Justeru itu, dalam melakukan kebaikan, ahli keluargalah merupakan kumpulan paling utama yang perlu diberi perhatian (Tjek Tanit, 2013).

Merujuk kepada konsep wakaf, iaitu aset wakaf tidak boleh dijual dalam apa jua bentuk sekalipun. Ini bermakna bahawa aset wakaf akan kekal dan hanya boleh ditambah tetapi tidak boleh dijual. Menurut pengertian ini, wakaf bukan sahaja pelaburan, tetapi juga pelaburan yang bersifat kumulatif dan majmuk (Kahf, 1999) (*compounded*). Ia membuktikan bahawa wakaf mencetuskan pengumpulan aset kumulatif di samping kepada prinsip pengekalan abadi dalam wakaf (Abul Hassan & Mohammad Abdus Shahid, 2010). Justeru ia memberi pulangan berganda dari tahun ke tahun jika dimajukan sewajarnya. Bertepatan dengan kelebihan wakaf dzurri di mana aset itu akan kekal hingga beberapa keturunan dan dimajukan mengikut saluran dan proses yang betul hingga berupaya menyebarkan manfaat bukan saja pada keturunan keluarganya tetapi kepada masyarakat dan juga negara tersebut (Sri Wahyu Sakina et al., 2021).

Wakaf dzurri bukan hanya memberikan impak yang positif kepada ahli waris bahkan kepada pewakif sendiri. Impak wakaf dzurri ini terhadap pewakif adalah dengan memberi ketenangan jiwa kepada pewakif. Mereka mampu tersejuk dengan penuh ketenangan kerana harta milik mereka kembali kepada ahli keluarga sendiri dan yang paling penting ia dapat mengikis sifat tamak dan kedekut pada diri mereka sendiri. Mereka merasakan suatu kepuasan kerana segala penat jerih mengumpul harta ketika hayatnya hari ini terbela dengan zuriatnya sendiri yang bersilih ganti dapat mengambil manfaat daripada wakaf yang dilaksanakannya. Dari sudut lain, pewakif tidak perlu bimbang dengan berlakunya pemborosan harta atau salah guna dari ahli keluarga yang masih hidup kerana harta peninggalannya diurus tadbir secara wakaf.

Oleh itu, wakaf merupakan cara yang terbaik dalam mengikis sifat tamak dan kebimbangan pembaziran harta ke jalan yang salah. Atas sebab inilah persyariatkan wakaf bertujuan untuk menjadikan pengagihan harta yang ditinggalkan secara sistematik di mana manfaatnya dapat dikecapi zuriat sendiri tanpa berlakunya pembaziran. Kebimbangan tersebut ada rasionalnya kerana harta peninggalan yang dibiarkan sekiranya tidak terancang biasanya digunakan secara tidak berhemat, berlaku pembaziran yang barangkali terkait dengan perkara haram. Oleh yang demikian, dengan adanya wakaf kebimbangan tersebut tidak lagi wujud kerana Islam amat menitikberatkan tentang aspek tadbir urus yang baik berlandaskan syariat (Sri Wahyu Sakina et al., 2021).

Menyentuh mengenai peninggalan harta waris terdapat perbezaan yang ketara di antara wakaf dzurri jika dibandingkan dengan faraid, wasiat dan hibah. Ini kerana pengekalan (*'ain*) aset wakaf dapat dipelihara kerana manfaat yang diperolehi daripada pembangunan aset dijangka akan berterusan dinikmati dalam suatu tempoh yang tidak terhad. Apabila suatu harta ataupun aset itu diniatkan sebagai wakaf dzurri maka seluruh keturunannya berhak menerima manfaat tersebut berdasarkan niat pewakif. Selain itu, kesinambungan silaturrahim dapat dipelihara melalui wakaf dzurri ini apabila setiap generasi ataupun keturunan ini bertemu di dalam urusan pembangunan aset wakaf dzurri tersebut (Sri Wahyu Sakina et al., 2021). Dalam erti kata yang lain bukan sahaja membantu meringankan bebanan ahli keluarga, bahkan tali persaudaraan dapat dieratkan dan rasa kasih sayang disuburkan di kalangan ahli keluarga (Farhana, 2018).

ELEMEN PEWARISAN PERNIAGAAN KELUARGA

Kebanyakan syarikat besar yang berjaya adalah terhasil daripada perniagaan keluarga yang berkembang dengan jayanya (Rian, Teten & Sapril, 2023). Kemunculan perniagaan keluarga memberikan motivasi kepada individu untuk meningkatkan pendapatan dan melantik pekerja dalam kalangan keluarga (Rian, Teten & Sapril, 2023).

Syarikat atau perniagaan keluarga didefinisikan sebagai penglibatan seorang atau lebih daripada ahli keluarga yang bertanggungjawab dalam pengurusan sesebuah perniagaan (Coulter 2001; Scarborough 2011). Menurut Armanurah, Nasri & Syahrina (2018), syarikat keluarga berlaku melalui penubuhannya oleh seorang pengasas dan kemudian diambil alih oleh waris, seperti isteri, anak-anak atau saudara. Sesuai dengan tujuannya, ahli keluarga bertanggungjawab membuat keputusan berdasarkan kepada pemilikan (Dean 2005; Norashidah *et al.* 2012), atau dengan kata lain, sebuah syarikat yang dimiliki, dikawal, dan dikendalikan oleh ahli-ahli dalam keluarga yang sama. Menurut Al-Barghouthi (2016) pemindahan perniagaan ke generasi seterusnya dikenali sebagai pewarisan atau perniagaan keluarga. Syarikat keluarga ialah hasil interaksi antara dua institusi, iaitu keluarga dan syarikat dalam menjalankan satu perniagaan secara bersama (Lee, 2006). Besar atau kecilnya sebuah syarikat keluarga adalah bergantung kepada saiz, pemilikan, dan struktur pengurusan (Rosli, 2010).

Penubuhan syarikat keluarga ini secara langsung akan menjadikan pengurusan ke atas harta wakaf terbabat akan dinamik, bagi meraih keuntungan dan faedahnya diagihkan kepada pemilik dan pekerja. Perkara yang membezakan antara syarikat keluarga dengan yang lain ialah daripada segi pemilikan dan pengurusan perniagaan dipegang oleh sesebuah keluarga pada satu-satu masa dan akan berpindah daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Pengurusan syarikat keluarga jelas akan memanfaatkan semua ahli dalam sesebuah keluarga. Syarikat keluarga sangat penting bukan sahaja kepada pendapatan ahli keluarga tetapi juga kepada ekonomi negara melalui penciptaan peluang pekerjaan baharu. Ini menunjukkan perniagaan keluarga tidak semestinya bersifat domestik, ia boleh menjadi perusahaan perniagaan yang besar dan strategik (Frederick dan Kuratko, 2010).

Secara umumnya terdapat empat cara dalam pewarisan bisnis; warisan keluarga, warisan pekerja, penjualan perniagaan dan penutupan perniagaan (Palliam *et al.*, 2011). Menurutnya lagi, kebiasaannya dalam masyarakat Arab perniagaan dijalankan oleh keluarga. Ini bertepatan dengan undang-undang perwarisan Islam di mana ahli keluarga berhak atau layak mewarisi perniagaan kecuali dipersetujui selainnya seperti membenarkan pekerja menjalankan perniagaan, menutup perniagaan atau menjual perniagaan. Hal ini bukan sahaja berlaku di negara Arab bahkan seluruh negara Islam di dunia.

Sejarah mencatatkan bahawa perwarisan perniagaan keluarga pernah berlaku semasa pemerintahan Uthman di Turki di abad ke 16 yang mana perniagaan ini hampir-hampir tidak mencapai generasi ketiga (Kuran, 2003). Institut Firma Keluarga menegaskan bahawa meskipun kebanyakan perniagaan keluarga di pindah milik ke generasi akan datang, namun dianggarkan sebanyak 70% tidak dapat bertahan kegenerasi kedua sementara 90% tidak sampai kegenerasi ketiga (Walsh, 2011).

Meskipun demikian, banyak pewarisan keluarga yang masih wujud dan melepasi banyak generasi melalui perancangan pewarisan yang efektif (Umar et al., 2020) seperti Shirley Plantation (diwujudkan pada 1638, United States, Hugel and Fils (diwujudkan 1639, South Afrika) & Hoshi Ryokan (ditubuhkan pada 718 di Jepun) (O’Hara, 2004). Malangnya kejayaan waris perniagaan keluarga yang bertahan lama wujud dalam masyarakat minoriti muslim (Umar et al., 2020).

Pengurusan terbaik ialah melalui penubuhan sebuah syarikat keluarga secara tidak rasmi atau rasmi, bagi menjaga keutuhan harta wakaf demi menjamin kelestarian hasil dan manfaatnya. Bidangkuasa inilah yang perlu diperuntukkan sama ada melalui statut perundangan, atau melalui pekeliling atau tatacara pengurusan harta wakaf keluarga (Jasni & Muhammad Syamir Izzuddin, 2022). Bahkan, pengurusan yang baik ini boleh menghasilkan keuntungan yang besar kepada ekonomi keluarga sebagaimana kejayaan pengurusan harta wakaf sejak zaman silam. Kesemua ini menunjukkan pencapaian yang cemerlang hasil pengurusan wakaf yang dinamik dan terancang. Perkara yang sama perlu dilakukan ke atas harta wakaf keluarga yang ada pada hari ini walaupun jumlah keluasan dan nilai hartanya tidak sebesar mana, namun ia perlu bersifat lestari untuk kelangsungan penerima wakaf (Saduman & Aysun, 2009).

Salah satu maqasid wakaf keluarga ialah ke arah memanfaatkan kekayaan daripada harta si mati kepada anggota keluarga tertentu secara berkekalan. Secara tak langsung, ia juga membawa kepada kewujudan entiti penerima manfaat wakaf yang kekal. Seajar dengan itu setiap waris hendaklah bersepakat menubuhkan satu kumpulan penerima wakaf, dan yang terbaiknya ialah menubuhkan sebuah syarikat keluarga (Jasni & Muhammad Syamir Izzuddin, 2022).

Dalam Islam, setiap pensyariatian hukum mempunyai *maqasid* dan hikmah yang tersendiri yang tentunya demi kebaikan umat. Dalam pembentukan wakaf keluarga, *maqasid* syarak mengharuskannya adalah kerana menjaga kelangsungan ekonomi anggota keluarga terdekat kepada pemilik harta. Itulah yang biasanya diniatkan pewakaf supaya harta tersebut tidak dimiliki secara peribadi oleh seseorang sahaja, tetapi melalui perkongsian pemilikan manfaat oleh semua ahli keluarga (Jasni & Muhammad Syamir Izzuddin, 2022).

Dalam memastikan *maqasid* ini tercapai, pengurusan dan pembangunan oleh *mutawalli* ke atas harta yang diwakafkan oleh seseorang pewakaf adalah sangat penting. Ia adalah untuk manfaat anggota keluarga yang lain dan menjadi bukti kekuatan hubungan persaudaraan yang saling sokong- menyokong (Asmak, 2009).

Seperti mana yang ditegaskan oleh Saleem (2019) bahawa pewarisan perniagaan keluarga hendaklah di pertahankan memandangkan sumbangannya yang besagr terhadap sosio ekonomi dalam skala besar. Bahkan Islam menghendaki setiap muslim yang kaya agar menyalurkan keperluan asas kepada ahli keluarga yang boleh dilestarikan melalui mewakafkan bahagian tertentu daripada *business equity* sama ada untuk ahli keluarga atau yang memerlukan (Umar, 2019). Bagi memastikan kemampunan kekayaan yang dimiliki oleh pemiliknya untuk kebajikan keturunannya, perniagaan yang diwarisi sepatutnya dipertahankan dan bukan di bekukan (Al-Barghouthi, 2016).

INTEGRASI WAKAF DAN *FAMILY BUSINESS*

Integrasi wakaf dengan '*family business*' yang diwarisi sangat besar manfaatnya kepada ahli waris dan juga bukan waris. Matlamat utama adalah kemampuan perniagaan bertujuan menghasilkan pendapatan semata-mata memperoleh kehidupan yang selesa bagi ahli waris. Ahli yang bukan waris juga boleh merasa manfaat dari perniagaan ini jika terdapat bahagian yang di wakafkan oleh pewakif. Integrasi wakaf dalam perniagaan bukan semata-mata untuk mengelakkan dari perlupusan dan pembekuan tetapi juga untuk memastikan kesinambungan menghasilkan pendapatan yang berkekalan bagi kebajikan ahli waris dan juga bukan ahli waris (Umar et al., 2020).

Menurut Umar (2019) terdapat empat cara proses intergrasi wakaf dalam pewarisan perniagaan yang di simpulkan dari Quran dan hadis;

(1) Pemilik mewakafkan bahagian tertentu daripada ekuitinya semasa masih hidup.

Para sahabat mewakafkan harta mereka dengan syarat pendapatan atau pun hasil dari wakaf tersebut hendaklah di berikan kepada keluarga dan keturunan mereka (Ahmad, 2015). Hal ini serupa dalam keadaan perniagaan keluarga yang mengikat yang memperuntukkan hasil pendapatan untuk keturunan selama-lamanya setelah pemiliknya meninggal dunia (Umar et al., 2020). Contoh pewakaf kontemporari dan popular dalam dunia Islam ialah wakaf Sulaiman bin Abdul Azizi al-Rajhi. Pemegang utama bank Rajhi (Bank Islam terbesar dan popular di dunia) yang mewakafkan 19.7% bahagiannya dalam bank untuk di wakafkan.

(2) Pewakif menyatakan dalam wasiatnya untuk melaksanakan wakaf dalam perniagaan keluarga setelah pemiliknya meninggal dunia.

Bagi tujuan kesinambungan, pewakaf bolih mewasiatkan bila dia meninggal dunia perniagaannya tidak dibekukan tetapi di aktifkan oleh ahli keluarganya dengan penglibatan mereka sebagai rakan kongsi dan dalam masa yang sama mewakafkan sebahagian tertentu kepada ahli keluarga. Kerana bukan bermakna dengan kematian pemiliknya segala perniagaannya juga di tamatkan.

(3) Jika seseorang meninggal tanpa sempat membuat wasiat, ahli waris bolih melakukan sesuatu bagi pihaknya bagi tujuan mengalirkan pahala kepadanya. Dengan cara yang sama juga iaitu memperuntukkan bahagian tertentu untuk wakaf bagi kebaikan simati.

(4) Melalui persetujuan ahli waris untuk mewakafkan bahagian tertentu dari perniagaan berkenaan.

Secara umum sebab keperluan kelestarian perkongsian pewarisan (perniagaan keluarga) adalah menyediakan pekerjaan, pembahagian pendapatan, memaksimumkan kekayaan, meningkatkan zakat perniagaan dan wakaf sesama ahli keluarga ke arah menghapuskan kemiskinan bagi kebajikan pembangunan ummah. Ini kerana perniagaan keluarga memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi secara global dan dianggap sebagai salah satu tulang belakang sistem ekonomi (Schwas, 2013).

Contoh wakaf keluarga pula boleh dilihat ke atas harta wakaf yang dilakukan Sherrifa Zain Alsharoff Mohamed Alsogoff ke atas sebuah rumah kedai yang dikenali "the Red House" dan lima buah rumah kedai di East Coast Road pada tahun 1957. Pengurusan yang baik ke atas harta wakaf ini memberi pulangan lumayan sehingga mampu membiayai pendidikan cucu-cucu beliau

dan juga menampung operasi Klinik Al-Taha Dispensary yang menawarkan perkhidmatan percuma (Heirwin, 2004). Jelas berdasarkan contoh ini, harta wakaf sekalipun bersifat wakaf keluarga adalah mampu dan berpotensi untuk menjadi sumber penjanaan ekonomi ahli keluarga pada masa hadapan (Karim, 2000; Muna et. al., 2015).

Islam sangat menggalakkan bersedekah kepada ahli keluarga terdekat kerana menjadi tanggungjawab pewaris memastikan generasi keluarganya terpelihara daripada kemiskinan. Justeru, selain tanggungjawab nafkah yang dilakukan ketika masih hidup, kelangsungan nafkah boleh dilestarikan melalui pembentukan wakaf keluarga ini. Bagi mengatasi isu-isu penyalahgunaan dan harta wakaf keluarga menjadi beku, mekanisme terpenting adalah para penerima harta wakaf membentuk persepakatan keluarga dengan menubuhkan barisan pentadbir yang akan menguruskan syarikat keluarga. Bagi memajukan lagi harta milik bersama ini ahli-ahli keluarga yang menjadi penerima manfaat hendaklah memastikan pengurusan ekonominya sentiasa produktif dan hasil manfaatnya dapat diagihkan dengan baik. Kerajaan hanya perlu memberi sokongan melalui mewujudkan penerangan yang jelas dan pengiktirafan undang-undang kepada penubuhan syarikat berasaskan keluarga ini. Ini bagi memudahkan pelaksanaan wakaf keluarga yang lebih jelas dan bagi mengelak timbulnya salah faham dalam kalangan *mawquf alaih* pada masa hadapan.

Majlis Agama Islam Negeri sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf hendaklah memantau *mutawalli* cabang yang dilantik sebagai pengurus syarikat wakaf keluarga supaya yang dilantik mestilah mendapat persetujuan semua *mawquf alaih* dan menjalankan tugas dengan jujur dan amanah. Kebijaksanaan seseorang mutawalli dalam memastikan tujuan dan niat pewakaf direalisasikan secara berkekalan melalui pengurusan yang produktif ini akan dapat memastikan harta itu tidak beku dan jumud. Banyak peluang ekonomi dapat dijana pada hari ini lebih-lebih lagi sektor hartanah mempunyai nilai dan tarikan pelaburan yang tinggi. Bagaimanapun ia tidak akan berjalan dengan mudah tanpa penubuhan sebuah syarikat keluarga yang terancang dan produktif demi memastikan kelestarian sumber ekonomi keluarga berkekalan (Jasni & Muhammad Syamir Izzuddin, 2022).

KESIMPULAN

Kepelbagian kaedah wakaf telah di terjemahkan melalui penginterasian dalam pelbagai bidang perniagaan seperti institusi kewangan dan ini termasuk juga dalam perniagaan keluarga atau *family business* yang diuruskan oleh ahli keluarga sendiri. Integrasi wakaf dan *family business* adalah lebih menjurus kepada wakaf dzurri yang berprinsipkan perniagaan secara diwarisi dan diteruskan pelaksanaannya oleh generasi-generasi akan datang. Realitinya, wakaf dzurri agak kurang mendapat perhatian memandangkan sesetengah negara telah menghapuskannya dalam perundangan dan tidak melaksanakannya disebabkan faktor tertentu. Wakaf yang dahulunya dilihat sebagai harta yang beku dan jumud kini telah ditransformasi menjadi lebih dinamik demi kemampuan pembangunan harta dan tidak ketinggalan dalam konsep perkembangan wakaf dzurri.

Penubuhan syarikat keluarga ini secara langsung akan menjadikan pengurusan ke atas harta wakaf terbabit akan dinamik, bagi meraih keuntungan dan faedahnya diagihkan kepada pemilik dan pekerja. Perkara yang membezakan antara syarikat keluarga dengan yang lain ialah daripada segi pemilikan dan pengurusan perniagaan dipegang oleh sesebuah keluarga pada satu-satu masa dan akan berpindah daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Bagi menjayakan penubuhan *family business* ini salah satu caranya melalui pengintegrasian dengan konsep wakaf. Pengurusan terbaik ialah melalui penubuhan sebuah syarikat keluarga secara tidak rasmi atau rasmi, bagi menjaga keutuhan harta wakaf demi menjamin kelestarian hasil dan manfaatnya. Secara umum sebab keperluan kelestarian perkongsian pewarisan (perniagaan keluarga) adalah menyediakan pekerjaan, pembahagian pendapatan, memaksimumkan kekayaan, meningkatkan zakat perniagaan dan wakaf sesama ahli keluarga ke arah menghapuskan kemiskinan bagi kebajikan pembangunan ummah. Ini kerana perniagaan keluarga memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi secara global dan dianggap sebagai salah satu tulang belakang sistem ekonomi.

BIBLIOGRAFI

- Abd al-Aziz Fawzan. (2013). Anwa ‘al-Waqf, Risalah al-Islam. <http://fiqh.islammmessage.com/NewsDetails.aspx?id=6863z>.
- Abu Abdullah Muhammad, Ibn Ismail. (2002). *Sahih al-Bukhari*. Damshik, Dar al-Inbu Kathir.
- Abul, Hassan & Mohammad, Abdus Shahid (2010). Management and Development of The Awqaf Assets, dlm Abdul Ghafar, Ismail., Mohd Ezani, Mat Hassan., Norazman, Ismail & Shahida, Shahim (ed). *Prosiding Seventh International Conference-The Tamhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy*, Bangi, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Barghouthi, S.J. “Passing the Torch, Family Business Succession: Case Study, Bahrain.” *International Journal of Business and Management Studies* 5, no. 1 (2016): 279-94.
- Al-Syarbini, Khatib. (1997). *Mughni al-Muhtaj*. Beirut, Dar al-Ma‘rifah
- Al-Syawkani, Muhammad bin `Ali. (t.t.). *Nayl al-Awtar*. Qaherah: Maktabah wa Matba`ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi.
- Armanurah, Nasri & Syahrina. (2018) Memimpin Pengambilalihan Perniagaan Keluarga : Kaedah, Masalah dan Cara Mengatasinya. *IJMS* 25 (1), 61–82 (2018).
- Asmak Abd Rahman, (2009). Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17(1), 113-152. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/aericle/view/22746>.
- Ayef, Komara., Andri, Salat.S, S, Kom, & M. Kom. (2021). *Application E-Business Montir Online Berbasis Web*. https://elibrary.unikom.ac.id/id/eprint/641/12/UNIKOM_Ayef%20Komara_Artikel.pdf. Akses pada 5 November 2023.
- Cizakca, Murat. (2000). *A History of Philanthropic Foundations: The Islamic World From The Seventh Century to The Present*. Istanbul. BogAzicl University Press.
- Coulter, M. K. (2001). *Entrepreneurship in Action*. Upper Saddle River (N.J.), Prentice Hall.
- Dean, C. F. (2005). *An Examination Of The Challenges Daughters Face In Family Business Succession*. *Family Business Review*, 18(4), 321–345.

- Fadwa Arsyid, Al-‘Alawain. (2011). *Al-Waqf al-Dzurri wa Tatbiqatuhu al-Mu’asir : Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah*. Urdun, Jami’ah al- ‘Ulum al-Islamiyah al- ‘Alamiyah.
- Fahrurroji. (2019). *Wakaf Kontemporer*. Jakarta, Badan Wakaf Indonesia.
- Farhana, Mohamad Suhaimi. (2018). Wakaf Ahli: Peruntukan Undang-Undang dan pelaksanaannya di Malaysia. *Malaysian Journal of Shariah and Law*, Vol 8 (1) Special Edition, 73-81.
- Frederick, H. H., O’Connor, A., & Kuratko, D. F. (2013). *Entrepreneurship: Theory, Process And Practice*. Australia, Cengage Learning Asia.
- Kahf, Monzer. (1999). Financing the Development of Awqaf Property. *American Journal of Islamic Social Sciences*. Vol 16(10), 39-42.
- Karim, S. A. (2000). *Contemporary Waqf Administration and Development in Singapore; Challenges and Prospect*. Singapore, Islamic Religious Council of Singapore.
- International Islamic Fiqh Academy. <http://www.iifa-aifi.org/2157.html>.
- Isa, Zaki (1995). *Mujiz Ahkam al-Waqf*. Kuwait, Kuwait Awqaf Public Foundation.
- Jasni, Sulong & Muahmmad Syamir Izzuddin, Zulkifli. (2022). Pembangunan Wakaf Dhurri: Penubuhan Syarikat Keluarga Ke Arah Kelestarian Sumber Ekonomi. *Journal of Contemporary Islamic Law*, Vol 7(1), 26-34.
- Lee, J. (2006). Impact of family relationships on attitudes of the second generation in family business. *Family Business Review*, 19(3). 175- 191.
- Masters, B. (1988). *The Origins of Western Economics Dominance in the Middle East*. New York, New York University Press.
- Mohamad, M.R., Mohd Yusoff, Z., & Nordin, N. (2020). Wakaf Zuriat di Terengganu. *Malaysian Journal of Islamic Studies*. Vol 4 (1), 107-114.
- Mohd Afandi, Mat Rani. (2012). Wakaf Zuriat: Isu dan Penyelesaian. *Jurnal Pengurusan Jawhar*, bil 6 (2).
- Muammar Ghaddafi, Hanfiah & Zulkifley, Hamid. (2013). Nilai-Nilai Maqasid al-Syariah dlm Kitab Al-Atcimah: Tinjauan Dalam Pemikiran al-Shaykh Muhammad Arsyad Banjari. *International Journal of the Malay World and Civilization*. Jld 3 (3).
- Muhammad, Hamizan. (2022). Wakaf Zuriat di Malaysia: Analisis Perspektif Pengurusan dan Penambahbaikan Kerangka Model. *Tesis Phd*. Universiti Teknologi Mara, Akademi Pengajian Islam Kontemporari.
- Muna, Sulaiman., Mokhtar, Hj Ismail., & Mohd Isa, Hairul. (2015). *Perkembangan Wakaf Pendidikan di Singapura*. http://www.researchgate.net/publication/284139_530. Akses pada 5 November 2023.
- Muslim, Al-Hajjaj. (t.t). *Al-Jami’al-Sohih al-Musamma Sohih* Muslim, Bab al-Wasiyyah bi Thuluth. Beirut, Dal al-Jil.
- Muslim, Abū al-Ḥusīn Muslim al-Ḥujjāj al-Qushāirī al-Nisāburī (t.w 261H), *Ṣaḥīḥ Muslim.*, Bayrūt: Dār Ihyā’ al-Thurāth al-‘Arabī.
- Norashidah Hashim, Norita Deraman, Armanurah Mohamad. (2012). Era Edar: Succession and Conflicts. *Management and Business*. Sintok, Institute for Management and Business Research.
- Novaliendry, D., Huda, A., Sanita, D., Putra, D. A., Nasution, M. D. F., Putra, R. S., & Hidayati, R. N. (2021). Android-based network services application learning media for vocational high schools. *International Journal of Interactive Mobile Technologies*, 15(20), 83-100

- (PDF) *The Relationship between Family-Owned Business and the Success of Small Medium Enterprise.* Available from: https://www.researchgate.net/publication/373221597_The_Relationship_between_Family-Owned_Business_and_the_Success_of_Small_Medium_Enterprise [accessed Sep 25 2023].
- O'Hara, William T. (2004). *Centuries of success: Lessons from the world Most Enduring Family Businesses of Centuries of Success.* Massachusetts, Adams Media.
- Palliam, R., H.A. Cader, and C. Chiemeké. "Succession Issues Among Family Entrepreneurs in Countries of the Gulf." *International Journal of Business Administration* 2, no. 2 (2011): 25-34.
- Ratna, Suraiya & Nashrun, Jauhari. (2022). Relevansi Wakaf Ahli Dalam Membangun Ketahanan Keluarga. *Tasyri' Journal of Islamic Law*, Vol 1(2), 253-292.
- Rian, Adriansah & Teten, Mohammad, Sapril, Mubarak. (2023). The Relationship Between Family-Owned Business and the Success of Small Medium Enterprise. *International Journal of Business, Economics and Social Development*, vol 4 (3), 139-145.
- Rosli, Mahmood. (2010). *Prinsip-Prinsip Keusahawanan: Pendekatan Gunaan.* Singapore, Cengage Learning Asia.
- Saduman, S., & Aysun, E. E. (2009). The Socio- Economic Role Of Waqf System In The Muslim- Ottoman Cities ' Formation And Evolution. *Trakia Journal of Sciences*, 7(2), 272-275.
- Saleem, M.Y. (2019). *Succession Planning of Family Business From An Islamic Perspective.* Labuan IBFC Inc. www.labuanibfc.com/.../Succession-Planning-of-Family-Businesses-from-an-Isl.
- Sanusi, S.W., Yaacob, S.E., & Salleh, M.F. (2021). Wakaf Zurri, Instrumen Pengurusan Harta Dalam Pembangunan Tamadun Islam. *Journal of Al-Tamaddun*, Vol 16(1), 139-152.
- Scarborough, N. M. (2011). *Essentials Of Entrepreneurship And Small Business Management.* New York, Prentice Hall.
- Schwass, J. (2013) Family Businesses: Successes and Failures. *International Institute for Management Development*, 2013. www.cepor.hr/cepra/wp-content/.../IMD-Family-Businesses- Successes-and-Failures.pdf.
- Sharma, P., Chrisman, J. J., & Chua, J. H. (1997). Strategic Management of The Family Business: Past Research And Future Challenges. *Family Business Review*, 10(1), 1-35.
- Sri Wahyu Sakina, Ahmad Sanusi., Salmy Edawati, Yaacob & Mohd Fairuz, Md Salleh. (2021). Wakaf Zurri: Instrumen Pengurusan Harta dalam Pembangunan Tamadun Islam. *Journal of Al-Tamaddun*, Vol 16(1), 139-152.
- Tjek Tanti. (2013). *Wakaf Ahli Dalam Konsep Fikih Tradisional.* Jurnal al-Irsyad, jld 2.
- Umar, U.H. (2019a). Integrating Family Waqf Into an Inheritable Going Concern Business: An Instrument for the Sustainable Welfare of Exempted Heirs. Revitalization of Waqf for Socio-Economic Development. *Jurnal Syariah*, vol 15(2), 61-83.
- Umar, Habibu Umar (2019b). Integrating Family *Wqāf* into an Inheritable Going Concern Business: An Instrument for the Sustainable Welfare of Exempted Heirs. In *Revitalization of Wqāf for Socio- Economic Development, Volume II*, edited by K.M. Ali, M.K. Hassan and Ali, A.E.S. Ali.67-87. Palgrave Macmillan, Cham,

- Umar, Habibu Umar., Tasiu, Tijjani Kademi & Md Harashid, Haron. (2020). Integrating Waqf and Business: ensuring Business Sustainability for The Welfare of Heirs and Non-Heirs. *International Journal of Economics, Management and Accounting*, vol 28(1), 191-213.
- Walsh, G. (2011). *Family Business Succession Managing the All-Important Family Component*, KPMG Enterprise.